

INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
JALAN OTHMAN  
PETALING JAYA  
SELANGOR

KAJIAN SAINS PERPUSTAKAAN DAN MAKLUMAT

LAPURAN PROJEK PENYELIDIKAN MENGENAI  
PENGUNAAN KUTUBKHANAH DESA KEMAS  
DI DAERAH SEGAMAT:  
SATU TINJAUAN KES

UNTUK DISERAHKAN KEPADA PUAN SITI HASNAH SIMANJUNTAK  
PENSYARAH PENGAWAS MATAPELAJARAN LSC 358  
(PROJEK PENYELIDIKAN), SEBAGAI MEMENUHI  
KEPERLUAN MATAPELAJARAN INI

OLEH

MOHD JAILANI PAIMAN  
MOHD ZAIHAN HUSSIN  
SHAIFOL YAZAM MATIT

PELAJAR TAHUN 3  
SEMESTER 6  
1983 - 1986

# ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

TAJUK

PRAKATA

PENGHARGAAN

Pengenalan .....	1
Objektif Penyelidikan .....	3
Skop Penyelidikan .....	4
Definasi Istilah .....	5
Ulasan Penulisan .....	11
Hipotesis .....	18
Pernyataan Persoalan .....	19
Rekabentuk Penyelidikan .....	24
Pengumpulan Data .....	24
Pemilihan Sampel .....	25
Pemerosesan Data .....	26
Model Penyelidikan .....	27
Pemulangan Soal Selidikan .....	31
Tabulasi, Interpretasi dan Analisa Data .....	33
Pengujian Hipotesis .....	55
Penemuan .....	75
Cadangan-cadangan .....	80
Masalah .....	86
Kesimpulan .....	89
Bibliografi Beranotasi .....	90
Bahan-bahan Rujukan .....	99

Lampiran

Penilaian Pensyarah

## ENGHARGAAN.

Dalam usaha menjalankan penyelidikan ini penyelidik ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada para individu perseorangan dan pihak-pihak tertentu yang sudi untuk memberikan kerjasama dan tunjukajar.

Penyelidik amat berbesar hati dan berbangga dengan kesediaan pihak pejabat Daerah Segamat, terutamanya Yang Berhormat Dato' Mohd Rashidi Mohd Noor (Tuan Pegawai Daerah Segamat) yang bersetuju membenarkan penyelidik menjalankan penyelidikan di Kampong Redong dan Kampong Air Panas.

Ucapan terima kasih juga, penyelidik rakamkan khas untuk Tuan Haji Ilias Bin Bujal yang sanggup untuk berkorban masa membantu penyelidik semasa penyelidikan ini berjalan. Tanpa bantuan daripada beliau, tentulah penyelidik mengalami kesukaran untuk menerokai satu daerah yang agak asing.

Penyelidik juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penghulu Mukim Labis, Ketua Kampong Labis (1), Ketua Pergerakan UMNO Kampong Redong, Ketua Pergerakan UMNO Kampong Air Panas, Pegawai Kemas Daerah Segamat dan Pembantu Kutubkhanah Desa Pekan Air Panas yang bersedia memberikan kerjasama kepada penyelidik untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan didalam penyelidikan ini.

Tidak ketinggalan juga, penyelidik ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua kakitangan Pusat Komputer Shah Alam yang telah banyak membantu penyelidik dalam masa pemerosesan data. Terutamanya kepada Puan Normah, Encik Wan Fauzi, Encik Rahim dan Cik Norhayati.

Seterusnya penyelidik juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pensyarah Pengawas Puan Siti Hasnah Simanjuntak yang banyak membantu dan bekerjasama kepada penyelidik didalam menjayakan penyelidikan ini. Adalah tidak sedikit dan sukar untuk dinilai segala bantuan, tunjukajar, bimbingan serta juga curahan pengalaman yang diberikan oleh beliau dalam membimbing penyelidikan ini.

Penyelidik juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada Encik Wong Tuck Chong selaku pensyarah penyelaras dan seluruh Kakitangan Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat yang telah banyak membantu penyelidik dalam berurusan dengan pihak-pihak tertentu sebelum memulakan penyelidikan ini.

Akhirnya penyelidik juga berterima kasih diatas jasa baik Encik Sohaimi Zakaria dan Encik Hisham Mohd Salleh serta juga keluarga masing-masing yang merupakan masyarakat setempat yang sanggup untuk membantu memberikan pandu arah

ENGENALAN.

Apabila aspek keperluan maklumat dibincangkan, golongan masyarakat desa yang hidupnya bergantung kepada sektor pertanian seharusnya tidak dilupakan. Dalah jelas bahawa para penduduk desa juga memerlukan maklumat untuk mencapai tahap permodenan pertanian yang diamalkan. Kini masyarakat luar bandar bukanlah satu komuniti yang jauh ketinggalan untuk menerima perubahan corak hidup dan modenan, tetapi merupakan masyarakat yang sudah celik dan memandang jauh ke hadapan demi menuju masa depan yang lebih cerah.

Atas tujuan itulah, agensi Kemajuan Masyarakat atau nama singkatannya KEMAS telah ditubuhkan pada tahun 1961 yang asalnya daripada Jabatan Pelajaran Dewasa dan Pembangunan Masyarakat. KEMAS yang dibawah naungan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, mempunyai beberapa garis panduan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat agar merebut faedah-faedah perkhidmatan yang telah disediakan oleh kerajaan. Untuk itu beberapa garis panduan telah diadakan yang antaranya <sup>(1)</sup> :-

1. Mengubah sikap dan menyemai perasaan kesedaran dikalangan masyarakat untuk membina satu masyarakat yang maju dan berdikari.
2. Mewujudkan minat, inisiatif dan perasaan tanggungjawab setiap anggota masyarakat dalam pembangunan sosial, ekonomi dan politik.
3. Mengeratkan kerjasama antara rakyat dengan kerajaan di samping mendapatkan sokongan mereka dalam usaha-usaha pembangunan negara.
4. Melibatkan rakyat untuk menyertai dan memainkan peranan secara aktif dan berkesan bagi mencapai matlamat dasar-dasar negara.

---

[1] Ibrahim Hj. Narek. 'Perpustakaan Komuniti : Satu cara memenuhi keperluan maklumat masyarakat luar bandar melalui perpustakaan,' Kertas kerja Seminar Mendekati Masyarakat Luar Bandar Melalui Perpustakaan, Kuala Lumpur, 25 - 26 Mac 1983.

Dalam usaha untuk menjadikan komuniti desa yang bermaklumat maka peng-  
ujudan kutubkhanah desa (KKD) yang kebanyakannya diselenggarakan oleh Kemajuan  
Masyarakat (KEMAS), adalah langkah yang paling tepat dan berkesan. KEMAS cuba  
mengujudkan aktiviti seperti ini dikawasan-kawasan dimana perkhidmatan perpusta-  
kaan tidak sampai ataupun tidak ada. Walaupun terdapat juga KKD yang diusahakan  
oleh lain-lain agensi, pertubuhan dan seumpamanya namun fungsinya tetap sama  
sebagai tempat untuk seluruh penduduk desa menimba ilmu. Rancangan KKD ini pada  
awalnya ujud hasil daripada Rancangan Pelajaran Dewasa yang dikelolakan oleh  
KEMAS. Ini adalah dengan hasrat agar masyarakat yang telah terdidik tidak  
kembali buta huruf pada peringkat awalnya, matlamat ini telah berkembang dengan  
turutannya penggunaan KKD oleh lain-lain masyarakat desa. Akhirnya KKD terus  
dibangunkan oleh KEMAS dengan tujuan supaya :-

1. Menyediakan bahan-bahan bacaan tambahan (follow-up reading materials) supaya pelajar-pelajar kelas dewasa dan kanak-kanak yang sudah kenal huruf serta keciciran tidak kembali menjadi buta huruf.
2. Menjadikan sebagai punca-punca rujukan bagi pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah serta masyarakat luar bandar.
3. Menyediakan bahan-bahan yang menitikberatkan kerja-kerja atau tugas-tugas harian seperti hal-hal pertanian, kesihatan, ekonomi dan sebagainya.
4. Memupuk dan menggalakkan sikap gemar membaca dikalangan masyarakat, khususnya belia dan beliawanis.

Adalah menjadi hasrat KEMAS untuk mengujudkan KKD di semua desa dan daerah di seluruh negara. Buat masa ini sekurang-kurangnya terdapat sebuah KKD di dalam satu kawasan pilihanraya parlimen. Untuk memastikan objektif kepada penubuhan KKD ini tercapai maka KEMAS telah menubuhkan jawatankuasa KKD yang ahlinya terdiri daripada pemimpin dan masyarakat setempat.

Memandangkan kepada tujuan-tujuan KEMAS yang amat murni dan baik dalam membangunkan KKD ini, maka penyelidikan yang dijalankan ini adalah merupakan satu kajiselidik, setakat mana para penduduk Kampong Redong dan Kampong Air Panas mengeksplotasi sepenuhnya kewujudan KKD dikawasan mereka. Dengan erti kata lain penyelidikan ini cuba mendapatkan penemuan-penemuan berkenaan aspek penggunaan KKD dikalangan masyarakat di dua (2) buah kampong tersebut iaitu Kampong Redong dan Kampong Air Panas.